

DATE: 31 JULY 2013
PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM DISENARAIKAN DI PASARAN UTAMA
BURSA MALAYSIA
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 135.0 CM²

Sona Petroleum disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia

KUALA LUMPUR 30 Julai - Sona Petroleum Bhd. hari ini mula disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 41 sen, diskaun sembilan sen berbanding harga tawaran 50 sen.

Pada pukul 9 pagi, jumlah dagangan sebanyak 6.787 juta saham.

Waran boleh pisah percuma dibuka pada 23.5 sen sesaham dengan jumlah dagangan sebanyak 31.403 juta dan harga penukaran 25



sen sesaham.

Harga permulaan diselaraskan turun adalah normal apabila saham induk disenarai bersama dengan waran dan apabila mengambil kira harga permulaan, saham induk

dan waran perlu dipertimbangkan bersama bagi mendapatkan harga sebenar, demikian menurut syarikat pada sidang akhbar selepas majlis penyenaian di sini.

Sona Petroleum (dahulunya dikenali sebagai Titanium Windfall Sdn. Bhd.), merupakan syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC) terbesar disenarai di Bursa dengan asas dan bahagian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan In-

dustri ditawarkan sebagai sebahagian tawaran institusinya.

"Permintaan bagi saham Sona Petroleum memberangsangkan dan kami gembira mempunyai campuran pelabur tempatan dan antarabangsa. Kami mengucapkan terima kasih kepada pelabur di atas keyakinan mereka terhadap pengurusan kami.

"Pasukan kami komited untuk mengembangkan syarikat dan meningkatkan nilai pemegang saham

melalui usaha akan datang dalam penerokaan dan fasa pengeluaran rangkaian nilai minyak dan gas," kata Pengerusi Bukan Eksekutif, Sona Petroleum, Andreas Johannes Raymundus van Strijp.

Syarikat akan memperuntukkan 90 peratus daripada hasil yang diperolehi daripada tawaran awam permulaan untuk melengkapkan pemerolehannya, manakala baki akan digunakan untuk modal kerja. - **BERNAMA**